



مجلس باندراي ملاك برسجاره

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod dan bidang pendaftaran yang berkaitan (alamat berdaftar di Negeri Melaka Sahaja)**, memenuhi syarat **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** iaitu masih berkuatkuasa dan berstatus “**PATUH**” serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja berikut :

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
<p>MBMB/SH/2026/6(2)</p> <p>MEMBEKAL DAN MENGHANTAR AKSESORI BAGI PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA PENGUATKUASA, UNIT MOTOR, POLIS BANTUAN, UNIT F.R.O.N.T, PEGAWAI /PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN DAN PENGAWAL KESELAMATAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH TAHUN 2026 (SEBUTHARGA SEMULA)</p> <p>PERUNTUKAN : MBMB</p> <p>TARIKH KELULUSAN : 10/02/2026</p> <p>NO. FAIL JABATAN : MBMBJPSM.400-10/2/143 JLD.2</p>	<p><u>KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA</u></p> <p>020804 - Pakaian Keselamatan, Kelengkapan Dan Aksesori (Berdaftar Di Negeri Melaka Sahaja)</p>	<p><u>HARGA</u></p> <p>RM10.00 * Tidak akan dikembalikan</p> <p><u>TARIKH</u></p> <p>13 Mei 2026 (Rabu) sehingga 20 Mei 2026 (Rabu)</p>	<p>TIADA</p>	<p><u>TARIKH</u></p> <p>20 Mei 2026 (Rabu) pada jam 12.00 tengahari</p> <p>Serahan tangan: Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p> <p>-----</p> <p>Perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka</p>

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **13 Mei 2026 (Rabu) sehingga 20 Mei 2026 (Rabu)**.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,

DATUK BANDAR

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PPSM
Ketua Audit Dalam